

# PM nafi peny kontrak lebu

UM / 4 AUG 1987

**MELAKA 13 Ogos — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menolak dakwaan berlaku penyelewengan dalam pemberian kontrak kepada swasta untuk membina projek Lebu Raya Utara — Selatan yang berharga \$3.4 bilion.**

Perdana Menteri menegaskan segala proses menswastakan projek raksasa itu telah dilaksanakan dengan teliti dan mengikut peraturan dan tidak ada "main - main" atau penipuan yang berlaku. Serentak dengan itu, Datuk Sri Dr. Mahathir mencabar mereka yang mendakwa ada pihak - pihak tertentu termasuk beliau sendiri mendapat keuntungan dari pemberian kontrak itu supaya mengemukakan bukti. "Ada tohmah - tohmah yang mengatakan saya sendiri

Oleh  
Rosli Ismail

telah mendapat duit, ini bohong semata - mata," kata Perdana Menteri dalam ucapannya sewaktu merasmikan Lebu Raya Senawang - Air Keruh sepanjang 62.6 kilometer yang berharga \$258 juta.

Serentak dengan upacara perasmian itu yang berlangsung di Kilometer 51 lebu raya tersebut sekumpulan 42 orang anggota DAP diketuai oleh Setiausaha Agungnya Encik Lim Kit Siang telah mengadakan tunjuk perasaan tidak jauh dari pentas perasmian dengan memegang sepanduk yang mendakwa adanya berlaku penyelewengan dalam penswastakan Lebu Raya Utara — Selatan.

Walaupun dalam ucapannya Datuk Sri Dr. Mahathir tidak menyebut secara khusus mengenai dakwaan itu beliau jelas merujuk kepada kenyataan - kenyataan DAP yang kebelakangan ini mempertikaikan pemberian kontrak membina Lebu Raya Utara - Selatan kepada syarikat United Engineering Malaysia (UEM). Menteri Kerja Raya Datuk Samy Vellu telah

mengumumkan di Ipoh pada hari Isnin lalu bahawa perjanjian kontrak projek yang berharga \$3.4 bilion itu akan ditandatangani antara kementeriannya dengan UEM pada 20 Ogos ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir yang pertama kali menyentuh tentang isu ini berkata sebagai membuktikan keikhlasan kerajaan dan untuk menunjukkan tidak ada "apa - apa" Datuk Samy Vellu telah memanggil Encik Lim Kit Siang sendiri untuk melihat kertas - kertas rahsia projek berkenaan di pejabatnya.

Dalam ucapan itu Perdana Menteri juga telah mempertahankan keputusan kerajaan menswastakan pembinaan lebu raya itu sebagai langkah yang sangat perlu dan wajar.

Beliau juga meminta rakyat supaya tidak melihat lebu raya dari sudut bayaran tol yang akan dikenakan semata - mata tetapi melihatnya dari segi keuntungan jangka panjang dan kemudahan yang diperolehi darinya. Datuk Sri Dr. Mahathir berkata beliau tidak nampak sebab mengapa pembinaan lebu raya untuk kemudahan rakyat harus dijadikan isu politik yang kontroversial. "Ini jelas menunjukkan parti pembangkang sudah tidak ada kerja lain hingga soal lebu raya pun hendak dijadikan isu," tegasnya.

**LIHAT MUKA 6**

# elewengan raya

## PM NAFI PENYELEWENGAN KONTRAK LEBUH RAYA

14 AUG 1987

Menurutnya, langkah kerajaan menswastakan pembinaan jalan bukanlah satu hal yang ganjil kerana perkara ini bukan saja dilaksanakan di Malaysia tetapi sudahpun berjalan di beberapa buah negara lain.

Katanya penswastaan projek seumpama ini akan membolehkan kerajaan

mengalihkan peruntukan kewangan untuknya kepada projek - projek seperti membina jalan - jalan kampung, klinik, sekolah serta kemudahan - kemudahan rakyat yang lain.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan juga yakin langkah penswastaan akan menjamin lebu-lebu raya di negara ini diurus dan dikendalikan dengan baik kerana pihak swasta adalah berorientasikan keuntungan.

Ini, tambah beliau, berbeza dengan sikap para pegawai kerajaan yang tidak begitu menghiraukan sangat soal untung rugi. "Ada yang merasakan kerajaan ada duit, ada untung tak apa, tak untung tak apa tetapi pihak swasta lain kerana mereka terpaksa urusnya dengan baik jika tidak rugi," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan langkah kerajaan membina lebu - lebu raya di negara ini

adalah untuk memberi kemudahan kepada rakyat selaras dengan peredaran masa.

Katanya lebu - lebu raya yang dibina dengan teratur dan lengkap dengan segala kemudahan berbanding dengan jalan - jalan lama akan memberi keselesaan, mengurangkan kemalangan jalan raya, memendekkan waktu perjalanan dan lain - lain. Beliau berkata, pembayaran tol untuk kereta yang cuma 5 sen satu kilometer adalah rendah jika dibandingkan dengan negara - negara lain misalnya Jepun yang mengenakan 30 sen satu kilometer.

Datuk Sri Dr. Mahathir meminta rakyat menyedari hakikat bahawa sebenarnya tidak ada satupun perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan adalah percuma sebaliknya semuanya ditampung oleh berbagai cukai yang dikenakan.

Katanya, lagipun pembayaran tol hanya dikenakan kepada mereka yang menggunakan lebu - lebu raya sahaja. Ini menurut beliau adalah lebih baik daripada kerajaan "pukul borong" mengenakan atas semua orang dengan menaikkan cukai ke atas pemilik kenderaan.